

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): CINTA LAHIRKAN KETAATAN

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 20 Jun 2011 7:55

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

20 JUN 2011/18 REJAB 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Cinta Lahirkan Ketaatan

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Demi Allah yang jiwaku di tangan-Nya tidak beriman seseorang kamu sebelum aku menjadi orang yang lebih dikasihinya daripada bapanya dan anaknya."
(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Huraian

1. Orang-orang yang keras hati tidak akan mengenal kasih sayang, kurang peka perasaan, lagi tipis perikemanusiaannya.
2. Orang yang dikurniakan Allah SWT dengan hati yang lembut, penuh kasih sayang lagi penuh kemurahan.
3. Rasulullah SAW dikenali sebagai seorang yang penuh kasih sayang dan lembut hatinya.
4. Kita yang mengikrarkan cinta kepada Allah SWT dan Rasul-Nya sepatutnya kita berusaha mengamalkan, mencontohi atau mengidolakan sikap baginda yang sangat terpuji itu. Semoga cinta kita kepada Rasulullah bukan sekadar cinta buta, tetapi cinta yang melahirkan ketaatan kepada Allah SWT dan sikap mulia dalam kehidupan kita seharian.
5. Amat tidak wajar kita mengatakan bahawa kita mencintai Rasulullah sedangkan dalam kehidupan seharian, kita sering melanggar nasihat-nasihat baginda.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my